

Arahan kepada Bahagian dan Cawangan UMNO

# 'Adakan sidang agung patuhi perlembagaan'

KUALA LUMPUR, Ahad — Ibu pejabat UMNO Malaysia telah mengeluarkan arahan kepada semua Bahagian dan Cawangan memastikan mesyuarat agungnya dijalankan mematuhi segala peraturan perlembagaan.

Pengundian yang adil dan betul bukan sahaja perlu di semua peringkat.

Demikian kata Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, kepada pemberita selepas

merasmikan Majlis Mesraria Aidilfitri Pemuda-Wanita UMNO Jalan Menteri, di sini, hari ini.

Beliau berkata: "Sebenarnya peraturan tersebut memang ada, cuma setengah bahagian tidak mematuhi dengan sepenuhnya."

Sebagai contoh, kata beliau ada setengah bahagian memberi notis mesyuarat dalam masa yang singkat."

Selain itu, katanya, setiap ahli yang berhak mengundi mestilah telah menjelaskan urusan terlebih dahulu.

Katanya, ini adalah perlu dalam memastikan orang yang berhak mengundi sahaja boleh mengundi.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Kuala Lumpur Bandar menyatakan bahawa daftar pemilih di sekitar bahagian tersebut berjalan dengan baik di setengah-tengah cawangan UMNOnya.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan kurangnya pemilih atau pengundi Melayu di bahagian tersebut.

Terdahulu dari itu, Datin Paduka Hajjah Aishah dalam ucapan perasmiaannya, berkata: "Kerajaan masih dalam era yang lama tetapi caranya sahaja yang berlainan."

## Khidmat

"Ia berusaha dengan bersungguh-sungguh memberi perkhidmatan awam yang lebih licin, cekap dan tepat selaras dengan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad," tambahnya.

Menurutnya, rakyat memanglah wajar menerima faedah tersebut memandangkan wang gaji pegawai perkhidmatan awam datang dari rakyat sendiri.

Beliau juga mengalu-alukan penubuhan Koperasi Syarikat Kerjasama Wilaniaga yang ditubuhkan oleh UMNO Jalan Menteri itu.

Beliau berharap kaum wanita yang bijak membuat sos cili atau sos tomato boleh berniaga melalui syarikat tersebut.

Sebelum itu, Ketua UMNO Jalan Menteri, Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Hamid telah berucap.

No.

No.

18